

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HGG 451 Perancangan Pembangunan Wilayah

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

1. [a] Jelaskan Doktrin Perancangan Pembangunan Wilayah sejak 1920an hingga kini. [10 markah]  
[b] Sejauh manakah perubahan tersebut mempengaruhi strategi pembangunan bagi menangani masalah ketidakseimbangan pembangunan di negara membangun. [15 markah]
2. [a] Huraikan andaian-andaian dan elemen-elemen penting di dalam Teori Klasik Baru. [10 markah]  
[b] Sejauh manakah elemen buruh dan modal menjadi dasar utama strategi pembangunan di mana-mana negara yang anda ketahui? [15 markah]
3. Dengan merujuk kepada satu teori yang berasaskan teknologi, bincangkan pengaruh teknologi di dalam pertumbuhan ekonomi wilayah. [25 markah]
4. [a] Jelaskan maksud Pembangunan Optimum. [5 markah]

.../2

[b] Jelaskan tahap-tahap yang mesti dilalui ke arah pembangunan tersebut dan nyatakan halangan-halangan yang sering dihadapi oleh Ahli Perancang.

[20 markah]

5. [a] Jelaskan perubahan yang berlaku ke atas Dasar Pembangunan Wilayah Malaysia sejak merdeka.

[10 markah]

[b] Sejauh manakah perubahan tersebut dapat menangani masalah ketidakseimbangan pembangunan sehingga kini.

[15 markah]

6. Dengan merujuk kepada pembangunan di Lembah Silikon di Amerika Syarikat, bincangkan kesesuaian strategi pembangunan wilayah berasaskan teknologi tinggi di negara anda.

[25 markah]

7. Dengan merujuk kepada pembangunan Lembah Amazon, bincangkan persamaan dan perbezaan yang mungkin berlaku ke atas Pembangunan IMT-GT (Pembangunan Segi Tiga -- Indonesia-Malaysia-Thailand) di dalam membangunkan wilayah tersebut.

[25 markah]

-oooo000ooo-